

18 JUL 1998

Mahathir-Johan

MEDIA TEMPATAN TIDAK TERKONGKONG, KATA DR MAHATHIR

BANGI, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan laporan media asing yang media tempatan terkongkong ekoran perletakkan jawatan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Johan Jaaffar.

"Itulah yang mereka akan katakan. Tetapi ia tidak bermakna kepada kita. Apa yang kita kata itulah penting," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan "Sri Utusan", kompleks percetakan ultra moden milik Kumpulan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad di sini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata kerajaan kini mendapati media tempatan apabila diminta bekerjasama, ada antaranya akan terus memaklumkan media asing yang kerajaan telah mengarahkan mereka berbuat demikian yang seterusnya memberi gambaran bahawa kerajaan mengongkong media.

"Tetapi, ada kalanya media tempatan lebih banyak mengutuk kerajaan berbanding media asing," katanya.

Dr Mahathir juga menafikan perletakkan jawatan oleh Johan adalah kerana tekanan politik.

Sementara itu apabila ditemui pemberita kemudian, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan Tan Sri Kamarul Ariffin berkata, soal tekanan politik tidak timbul dalam perletakkan jawatan Johan.

"Masalah itu semua tidak timbul. Ini spekulasi yang dibuat orang luar khususnya media dan mungkin juga diapi-apikan orang tempatan tetapi sebenarnya tidak ada. Dia hendak mengundur diri, itu sahajalah," katanya.

Kamarul berkata, beliau menerima surat perletakan jawatan Johan pada Selasa lepas tetapi belum membuat sebarang keputusan.

Lembaga pengarah syarikat itu akan bermesyuarat Selasa ini untuk membincangkan perletakan jawatan Johan dan mungkin menamakan pengganti Johan, katanya.

-- BERNAMA

HS PR